

**MIC Tingkat Usaha Bantu Pelajar Kaum India Ke Politeknik Di Bawah MDAIM  
Bernama  
26 Aug, 2013**

PUTRAJAYA, 26 Ogos (Bernama) -- MIC akan meningkatkan usaha untuk menarik lebih ramai pelajar daripada kaum India menyertai program pra-diploma untuk kemasukan ke politeknik di bawah program Mengubah Destini Anak Muda Malaysia (MDAIM).

Presidennya Datuk Seri G Palanivel berkata pelajar yang berpotensi perlu diberi kesedaran mengenai peluang melanjutkan pelajaran yang terbuka luas khususnya buat mereka daripada keluarga berpendapatan rendah dan memperoleh hanya tiga kredit dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Beliau berkata dalam perjumpaan dengan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik Datuk Mohlis Jaafar pagi ini, beliau dimaklumkan bahawa 801 daripada 2,090 pelajar yang memohon mengikuti program itu telah ditawarkan tempat dengan 269 daripadanya telah mendaftar di politeknik.

"Kami perlu perkukuhkan pencapaian akademik pelajar yang hanya ada tiga kredit ini, terutama dengan latihan kemahiran," katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan perjumpaan dengan pegawai-pegawai Jabatan Pengajian Politeknik di sini Isnin. Turut hadir Timbalan Menteri Pendidikan P Kamalanathan.

Di samping penyediaan kemudahan penginapan, program MDAIM yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak Februari lepas itu juga mengecualikan pelajar daripada membayar yuran pengajian dan mereka turut mendapat bantuan kewangan RM250 sebulan daripada kerajaan untuk meringankan beban.

Palanivel berkata kerajaan menyasarkan 1,600 pelajar India dibantu untuk mengikuti program itu setiap tahun, dan borang permohonan untuk pengambilan sesi Disember kini dibuka sehingga 1 Okt.

Beliau berkata jika dilihat dari segi sasaran yang ditetapkan, masih ada banyak ruang untuk pengambilan lebih ramai pelajar kaum India ke program itu.

"Banyak yang kami lakukan untuk menarik penglibatan pelajar-pelajar ke program ini, kami akan tingkatkan lagi, mungkin akan banyakkkan lagi iklan mengenainya, atau mungkin kami akan wujudkan laman web khusus untuk program ini bagi kemudahan pelajar," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=972640>